

## KESALAHAN MEMUSNAHKAN ATAU MENCEMARKAN MASJID BAGI TUJUAN MENGHINA AGAMA ISLAM MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Zanariah Dimon

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[zanariah@kuis.edu.my](mailto:zanariah@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Masjid dan surau bukan sahaja menjadi tempat ibadat bagi orang Islam, malahan ia adalah lambang perpaduan dan kesatuan umat Islam seluruhnya. Selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, maka kedudukan masjid dan surau mestilah terpelihara dari sebarang elemen yang boleh mencemarkan kesucian masjid dan surau tersebut. Sebarang perbuatan atau tingkah laku yang bersifat mencemar, merosak atau memusnahkan kesucian masjid dan surau secara fizikal bagi tujuan menghina kemuliaan tempat ibadat tersebut dikira sebagai satu kesalahan menurut undang-undang di Malaysia. Oleh itu, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai peruntukan kesalahan berkaitan penghinaan terhadap masjid dan surau menurut undang-undang. Perbandingan akan dibuat meliputi peruntukan kesalahan berkaitan dalam undang-undang sivil iaitu Kanun Keseksaan dan undang-undang Islam di peringkat negeri iaitu peruntukan kesalahan dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Limitasi kajian meliputi bidang kuasa, tafsiran peruntukan kesalahan dan kadar hukuman. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data menerusi analisis dokumen-dokumen yang relevan dan valid dengan skop kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat peruntukan yang jelas mengenai kesalahan menghina agama Islam melalui perbuatan memusnahkan atau mencemarkan masjid secara fizikal dalam kedua-dua undang-undang sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri. Peruntukan undang-undang tersebut juga selaras dari segi meletakkan syarat pembuatan tersebut mestilah bertujuan menghina atau mempersendakan agama Islam. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi pemakaian undang-undang, bidang kuasa, proses pendakwaan, jenis kesalahan dan kadar hukuman. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran dan panduan mengenai penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan memusnah atau mencemarkan masjid dan surau bagi tujuan menghina agama Islam di Malaysia. Peruntukan undang-undang ini juga sebagai bukti komitmen dan tanggung jawab pihak berwajib di peringkat Persekutuan dan negeri untuk menjamin kesucian tempat ibadat bagi orang Islam.*

**Kata kunci:** masjid, surau, memusnah, mencemar, menghina, agama Islam

### 1. Pendahuluan

Masjid dan surau bukan sahaja menjadi tempat ibadat bagi orang Islam terutamanya sebagai tempat mengerjakan sembahyang fardu secara berjemaah, malahan ia adalah lambang perpaduan dan kesatuan umat Islam seluruhnya. Selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, maka kedudukan masjid dan surau mestilah terpelihara dari sebarang elemen yang boleh

mencemarkan kesucian masjid dan surau tersebut. Sebarang perbuatan atau tingkah laku yang bersifat mencemar, merosak atau memusnahkan kesucian masjid dan surau secara fizikal bagi tujuan menghina kemuliaan tempat ibadat tersebut dikira sebagai satu kesalahan menurut undang-undang di Malaysia. Oleh itu, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai peruntukan kesalahan berkaitan masjid dan surau terutama sekali perbuatan yang boleh dikira sebagai menghina kesucian dan kemuliaan tempat ibadat tersebut. Perbandingan akan dibuat meliputi peruntukan kesalahan berkaitan dalam undang-undang sivil iaitu Kanun Keseksaan dan undang-undang Islam di peringkat negeri iaitu peruntukan kesalahan dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Limitasi kertas kerja ini hanya meliputi bidang kuasa, tafsiran peruntukan kesalahan dan kadar hukuman bagi peruntukan undang-undang berkaitan.

## 2. Pentadbiran Masjid di Malaysia Menurut Undang-undang

Masjid dan surau sinonim sebagai tempat ibadat bagi orang Islam terutamanya sebagai tempat mengerjakan sembahyang fardu dan sunat secara berjemaah. Masjid ditafsirkan dalam seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 sebagai suatu bangunan:

- a. yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- b. yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98,

dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu.

Sehubungan itu, menurut undang-undang, tempat ibadat bagi orang Islam seperti masjid dan surau ini adalah menjadi urusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri. Bidang kuasa negeri-negeri adalah berdasarkan peruntukan dalam Jadual 9 Senarai 2 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum syarak berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali mengenai perkara-

perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-Mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

Berdasarkan peruntukan tersebut menunjukkan bahawa kerajaan negeri melalau badan perundangan negeri masing-masing mempunyai bidang kuasa dalam mengurus dan mengawal pentadbiran masjid dan surau. Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Negeri-negeri diberi kuasa menjadi pemegang amanah bagi tiap-tiap masjid bersama dengan tanah yang didirikan masjid dan tanah yang berhubung dengan dan digunakan bagi maksud masjid. Sebagai contoh, seksyen 96, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan:

- (1) Walau apapun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan surau dalam Negeri Selangor
- (2) Tiap-tiap masjid dan surau, bersama dengan tapak masjid dan surau itu dan mana-mana tanah yang berhubung dengan dan digunakan bagi maksud-maksud masjid dan surau itu, termasuk tanah kerjaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, dan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan, terletak hak pada Majlis bagi maksud-maksud Enakmen ini.

Oleh itu, sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan surau di dalam negeri tersebut, Majlis Agama Islam mempunyai kuasa untuk mengurus pentadbiran dan kewangan masjid. Sebarang pembinaan masjid dan surau yang baru perlu mendapat kebenaran dari pihak Majlis Agama Islam. Begitu juga perkara-perkara yang melibatkan perubahan, renovasi, dan sebarang kegiatan masjid perlu mendapat kebenaran dari pihak Majlis Agama Islam (Zaini Nasohah. 2018).

### **3. Peruntukan Kesalahan Berkaitan Masjid dan Surau Menurut Undang-undang**

Islam adalah agama bagi Persekutuan Malaysia sebagaimana yang jelas diperuntukkan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu: “Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”. Begitu juga peruntukan mengenai kebebasan beragama di

Malaysia bagi menjamin hak beragama semua individu di Malaysia yang diperuntukkan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu: “Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkan ugamanya”.

Menurut Shamrahayu (2007), hak kebebasan beragama di dalam Perkara 11 terbahagi kepada dua bahagian, iaitu hak individu dan hak kumpulan agama. Hak individu yang dijamin oleh Perkara 11 ialah hak untuk menganuti, mengamal dan menyebarkan agamanya. Hak untuk menyebarkan agama ini boleh dikawal atau disekat oleh undang-undang negeri (bagi negeri-negeri) dan undang-undang persekutuan (bagi Wilayah-wilayah Persekutuan). Individu-individu juga mempunyai hak untuk tidak dipaksa membayar cukai yang pendapatannya tidak digunakan untuk agama mereka. Manakala hak kebebasan beragama bagi kumpulan agama yang dijamin oleh Perkara 11 ialah hak untuk menguruskan hal ehwal agama, hak menubuh dan menyenggara yayasan agama dan hak untuk memperoleh dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbir harta tersebut. Justeru, hak kebebasan beragama ini juga tidak boleh berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.

Oleh itu, bagi menjamin kesucian dan kemuliaan tempat ibadat bagi orang Islam sejajar dengan peruntukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, undang-undang telah memperuntukkan perbuatan memusnahkan mana-mana bahagian fizikal masjid atau mencemarkan masjid atau surau dengan benda-benda atau sebarang aktiviti yang tidak berkaitan dengan fungsi utama masjid sebagai satu kesalahan mengikut peruntukan undang-undang di Malaysia sama ada melibatkan undang-undang sivil mahupun undang-undang Islam di peringkat negeri.

### **3.1 Kesalahan dalam Kanun Keseksaan**

Peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Kanun Keseksaan adalah dalam bentuk yang umum iaitu melibatkan kepentingan semua kaum dan agama di Malaysia. Peruntukannya bertujuan menjaga keharmonian hubungan antara kaum dan kesucian berbagai agama yang diamalkan di negara ini (Johana Taib, 2010). Antara peruntukan berkaitan kesalahan memusnahkan masjid dan surau ialah:

Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu: Membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan. Kesalahan ini memperuntukkan:

Barang siapa membinasakan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana tempat sembahyang, atau apa-apa benda yang dipegang suci oleh mana-mana golongan orang, dengan niat dengan jalan demikian itu hendaklah mengaibkan agama mana-mana golongan orang, atau dengan mengetahui bahawa mana-mana golongan orang mungkin mensifatkan kebinasaan, kerosakan atau kecemaran itu sebagai suatu

keaiaban kepada agama mereka, hendaklah diseksa dengan penajra selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Selain daripada itu, kesalahan yang berkaitan juga diperuntukkan dalam seksyen 298A iaitu mana-mana orang yang menyebabkan (di atas alasan-alasan agama), suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan- penjara tidak kurang dua tahun dan tidak lebih lima tahun.

Banyak kejadian dilaporkan di media massa mengenai perbuatan pihak tidak bertanggungjawab yang merosakkan atau mencemarkan tempat-tempat ibadat termasuklah masjid dan surau sehingga boleh menggugat ketenteraman kaum dan agama di negara ini. Di antaranya adalah kes meletakkan kepala bagi di sebuah masjid di ibu negara dan perbuatan membakar kuil India. Kes lain yang berkaitan adalah keputusan Mahkamah Masjidret Ipoh menjatuhkan hukuman denda RM!5,000 dan penjara enam tahun terhadap seorang suri rumah atas kesalahan mengeluarkan kata-kata menghina Nabi Muhammad s.a.w di Masjid Abu Ubaidah Ulu Kita, Ipoh pada bulan Mei 2016 (Utusan Malaysia. 20/12/2017). Hukuman tersebut adalah wajar bagi menjamin kesucian masjid dan surau sebagai tempat ibadat bagi orang Islam dan mengelakkan kejadian menghina Islam semakin berleluasa sehingga boleh menjejaskan keharmonian kaum dan agama di negara ini.

### **3.2 Kesalahan dalam Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri**

Peruntukan bagi kesalahan berkaitan memusnahkan atau mencemarkan masjid dan surau diperuntukkan dalam hampir kesemua enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Hanya empat buah negeri iaitu Kelantan, Melaka, Perlis dan Kedah tidak menganggap perbuatan seumpama itu sebagai satu kesalahan. Kebanyakan negeri meletakkan peruntukan kesalahan tersebut dalam Bahagian kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya (Mohamad Azri. 2017) seperti peruntukan di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pahang. Manakala di Pulau Pinang, Johor dan Sarawak diperuntukkan dalam Bahagian kesalahan Pelbagai. Perak dan Terengganu pula memperuntukkan kesalahan berkaitan dalam Bahagian Keadilan dan Ketenteraman Awam manakala Negeri Sembilan meletakkan kesalahan tersebut dalam Bahagian Kesalahan berkaitan Pencelaan Agama dan Institusinya. Walau di manapun peruntukan kesalahan itu diletakkan, ia menunjukkan ketegasan badan perundangan negeri bagi menjamin kesucian dan kehormatan masjid dan surau sebagai tempat ibadat bagi orang Islam.

Sebagai contoh, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan kesalahan memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dan sebagainya dalam peruntukan seksyen 32:

Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana masjid atau surau atau tempat beribadat lain atau apa-apa kelengkapannya dengan

niat menghina atau mempersendakan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Jadual 1 menunjukkan peruntukan kesalahan yang terdapat di negeri-negeri berkaitan perbuatan memusnahkan dan mencemarkan masjid dan surau serta kadar hukuman yang diperuntukkan bagi setiap kesalahan tersebut.

Jadual 1 Kesalahan Berkaitan Memusnahkan atau Merosakkan Masjid dan Surau bagi Tujuan Menghina Agama Islam Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri

Bil	Negeri/Statut	Peruntukan Seksyen	Jenis Kesalahan	Hukuman
1	Perlis Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991	Tiada	Tiada	tiada
2	Kedah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	Tiada	Tiada	tiada
3	Pulau Pinang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang)1996	Seksyen 32	Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
4	Perak Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Seksyen 36.	Membinasakan atau mencemar tempat ibadat.	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
5	Wilayah Persekutuan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997	Seksyen 32	Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
6	Selangor Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Seksyen 11	Memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau sebatan tidak tidak melebihi enam kali

7	Negeri Sembilan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004	Seksyen 56	Membinasakan atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mencela Agama Islam.	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
8	Melaka Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Tiada	Tiada	tiada
9	Johor Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Seksyen 32	. Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
10	Pahang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	seksyen 21.	Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
11	Kelantan Enakmen 4 Tahun 1994 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	Tiada	Tiada	tiada
12	Terengganu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Seksyen 39.	Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
13	Sabah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995	Seksyen 96..	Mencemarkan atau merosakkan masjid atau surau <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesiapa tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, merosak, meroboh, mengubah atau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• denda tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.</li> <li>• denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh</li> </ul>

			<p>memindah mana-mana masjid atau surau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menampal apa-apa iklan, bil, notis, sepanduk, bendera, poster atau menulis, menanda, mencacat atau menconteng dengan apa cara di mana-mana bahagian masjid atau surau atau mana-mana kawasanny</li> <li>• mengambil atau mencuri apa-apa kepunyaan masjid atau surau tanpa kebenaran atau izin bertulis daripada Majlis</li> </ul>	<p>tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• enda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.</li> </ul>
14	Sarawak Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Seksyen 29.	Memusnahkan atau mencemarkan masjid, dsb.	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya

Sumber: [www.esyariah.gov.my](http://www.esyariah.gov.my). 1 Oktober 2019

Hasil penelitian menunjukkan kesemua negeri yang memperuntukkan kesalahan tersebut hanya menjadikan perbuatan memusnahkan atau mencemarkan masjid sebagai satu kesalahan. Manakala di Sabah, terdapat tiga kesalahan yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah syariah negeri tersebut iaitu:



## Seksyen 96. Mencemarkan atau merosakkan masjid atau surau.

(1) Sesiapa tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, merosak, meroboh, mengubah atau memindah mana-mana masjid atau surau adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Sesiapa, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, menampal apa-apa iklan, bil, notis, sepanduk, bendera, poster atau menulis, menanda, mencatat atau menconteng dengan apa cara di mana-mana bahagian masjid atau surau atau mana-mana kawasannya, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Sesiapa, mengambil atau mencuri apa-apa kepunyaan masjid atau surau tanpa kebenaran atau izin bertulis daripada Majlis adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Jadual 2 pula menunjukkan analisis yang dibuat oleh penulis berkaitan elemen kesalahan yang terdapat dalam peruntukan kesalahan memusnahkan dan mencemarkan masjid dan surau di negeri-negeri berkenaan.

Jadual 2 Analisis Elemen Kesalahan Peruntukan Kesalahan Memusnahkan atau Mencemarkan Masjid dan Surau

Bil	Elemen kesalahan	Undang-undang Negeri
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memusnah</li> <li>• merosak</li> <li>• mencemar masjid atau surau</li> <li>• menghina</li> <li>• mempersenda agama Islam</li> </ul>	Seksyen 32, Pulau Pinang, Seksyen 32, Wilayah-wilayah Persekutuan Seksyen 11, Selangor Seksyen 32, Johor Seksyen 39, Terengganu Seksyen 29, Sarawak
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membinasa</li> <li>• Merosak</li> <li>• Mencemarkan masjid atau surau</li> <li>• Mencela</li> <li>• Mengeji agama Islam</li> </ul>	Seksyen 36, Perak
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• membinasakan</li> <li>• merosakkan</li> <li>• mencemar masjid atau surau</li> </ul>	Seksyen 56, Negeri Sembilan

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mencela agama Islam</li> <li>• atau dengan apa saja niat</li> </ul>	
7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memusnah</li> <li>• Merosak</li> <li>• Mencemar masjid atau surau</li> <li>• Menghina</li> <li>• Mempersenda</li> <li>• Merendah-rendahkan agama Islam</li> </ul>	Seksyen 21, Pahang
9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memusnah, meroboh fizikal masjid tanpa kebenaran</li> <li>• Mencemar masjid dengan menampal poster, sepanduk, bil tanpa kebenaran dalam premis masjid</li> <li>• mengambil atau mencuri apa-apa kepunyaan masjid atau surau tanpa kebenaran atau izin bertulis daripada Majlis.</li> </ul>	Seksyen 96, Sabah

Sumber: esyariah.gov.my. 2 Oktober 2019

Hasil penelitian menunjukkan perbuatan merosakkan atau memusnahkan masjid atau surau atau tempat ibadat seumpaman dengannya termasuklah perbuatan merosakkan masjid itu sendiri atau apa-apa peralatan di dalamnya atau apa-apa kelengkapannya (Siti Zubaidah. 2017). Jadual di atas menunjukkan kesemua negeri-negeri meletakkan syarat perbuatan memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan masjid atau surau secara fizikal hendaklah dilakukan dengan niat hendak mempersendakan atau menghina atau merendah-rendahkan agama Islam. Hanya negeri Sembilan yang memperuntukkan perbuatan memusnahkan masjid atau merosakkan atau mencemarkan sama ada dengan niat mencela agama Islam atau tidak adalah menjadi satu kesalahan. Ini bermakna tidak kira apa niat pelaku, sebarang perbuatan secara fizikal tersebut boleh dikira sebagai kesalahan yang boleh didakwa dan dikenakan tindakan di mahkamah syariah. Sementara di Sabah, peruntukan kesalahannya tidak meletakkan apa-apan syarat perbuatan tersebut dengan niat untuk menghina agama Islam. Menurut peruntukan di Sabah, elemen perbuatan bagi kesalahan tersebut juga merujuk kepada peruntukan kesalahan iaitu (i) memusnah, meroboh fizikal masjid tanpa kebenaran, (ii) mencemar masjid dengan menampal poster, sepanduk, bil tanpa kebenaran dalam premis masjid atau (iii) mengambil atau mencuri apa-apa kepunyaan masjid atau surau tanpa kebenaran atau izin bertulis daripada Majlis.

Sementara itu, peruntukan hukuman bagi kesalahan ini berbeza-beza antara negeri. Di kebanyakan negeri seperti, Wilayah Persekutuan, Terengganu dan Sarawak memperuntukkan hukuman bagi kesalahan ini ialah didenda tidak melebihi RM3,000 atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Manakala undang-undang di Selangor dan Pahang memperuntukkan hukuman yang lebih berat iaitu didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

#### 4. Penguatkuasaan Kesalahan Dan Isu-Isu Berkaitan

Kesalahan di bawah Kanun Keseksaan adalah termasuk dalam bidang kuasa Polis dan pendakwaannya dilakukan oleh pendakwaraya di Mahkamah Sivil. Peruntukan kesalahannya lebih umum dan terpakai kepada semua tempat yang dikategorikan sebagai tempat ibadat sama ada masjid atau surau bagi agama Islam atau tempat ibadat bagi agama-agama lain di Malaysia seperti kuil, tokong dan gereja. Kesalahan ini melibatkan semua orang Islam atau bukan Islam. Pada Januari 2010, polis telah menjalankan siasatan ke atas kejadian penemuan empat kepala babi hutan di kawasan dua masjid di Petaling Jaya (BHarian. 2/12/2010) berdasarkan seksyen 295 Kanun Keseksaan.

Manakala, bagi perbuatan menghina agama Islam, pelaku kesalahan boleh didakwa di bawah seksyen 298 Kanun Keseksaan. KEs terbaru yang dilaporkan dalam media massa mengenai seorang operator kilang, A Taneson, 22, dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam, atas kesalahan menghina Nabi Muhammad melalui akaun Facebook miliknya. Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Rini Triany Muhamad Ali. Mengikut pertuduhan, Taneson didakwa memuat naik ayat menghina Nabi Muhammad melalui akaun Facebook miliknya iaitu 'Sarkat Tanesan'. Tindakan itu boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat atas alasan agama antara kumpulan beragama Islam dengan kumpulan bukan beragama Islam di seluruh negara. Kes didakwa mengikut Seksyen 298A (1)(a) Kanun Keseksaan, yang boleh dihukum mengikut Seksyen 298A (1) kanun yang sama dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih lima tahun. (BH Online. 26 Februari 2019)

Begitu juga, seorang suri rumah dijatuhi hukuman penjara enam bulan dan denda keseluruhan RM15,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini selepas didapati bersalah atas tiga pertuduhan mengeluarkan kata-kata menghina Nabi Muhammad SAW pada Mei tahun lalu. Tham Yut Mooi, 46, didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5.30 petang pada 4 Mei tahun lalu di dalam ruang solat Masjid Abu Ubaidah, Jalan Perpaduan di Taman Perpaduan Ulu Kinta di sini.

Dia dituduh mengeluarkan kata-kata menghina Nabi Muhammad SAW yang didengar oleh tiga individu iaitu Abdul Rahim Mat Diah, 53; Mohd Yunos Harun, 73 dan Mohd Halim Buyong, 44, yang dilakukan dengan niat untuk melukakan perasaan keagamaan individu berkenaan. Dia didakwa mengikut Seksyen 298 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum setahun, atau didenda atau kedua-duanya sekali (BH Online. 15 Disember 2017).

Jelaslah bahawa undang-undang sivil juga memperuntukkan hukuman yang setimpal kepada mana-mana perbuatan yang dikira sebagai mencemarkan kesucian masjid dan surau sekaligus menghina agama Islam. Perbuatan tersebut adalah kesalahan yang serius, membabitkan sensitiviti agama, kepentingan awam dan tidak seharusnya dilakukan oleh sesiapa pun. Perkataan menghina itu juga tidak seharusnya dikeluarkan di hadapan masyarakat Islam malah di hadapan penganut agama lain sekalipun kerana sebagai rakyat Malaysia setiap agama mesti menghormati antara satu sama lain.

Manakala, undang-undang Islam di peringkat negeri terhad pemakaiannya kepada orang Islam sahaja dan melibatkan kuasa pegawai penguatkuasa agama. Pendakwaan pula dilakukan oleh pendakwa syarie di mahkamah syariah. Walau bagaimanapun sehingga kini, belum ada kes yang didakwa di Mahkamah Syariah bagi kesalahan memusnahkan atau mencemarkan masjid bagi tujuan menghina dan mempersendakan agama Islam. Laporan media massa menunjukkan banyak perbuatan berkaitan dilaporkan dan disiasat di bawah peruntukan undang-undang Kanun Keseksaan. Media melaporkan empat orang ditahan di Johor kerana dipercayai terbabit dalam kes membakar surau di Muar

Justeru itu, menurut Rosli Mokhtar (2010), perbuatan mencerooboh dan memusnahkan masjid tidak seharusnya disamakan dengan tindakan mencerooboh dan memusnahkan tempat-tempat lain seperti dewan orang-ramai, pasar atau kelab. Mencerooboh masjid dan membakarnya adalah satu keganasan terhadap agama Islam yang menjadi tonggak pemerintahan di Malaysia. Hukuman sekeras-kerasnya perlu dijatuhkan kepada orang yang bertindak demikian kerana beberapa alasan iaitu (i) masjid dan surau adalah tempat suci umat Islam yang mana tindakan menceroobohnya dianggap satu pencerobohan terhadap kesucian Islam, kedaulatan raja-raja dan negara, (ii) perbuatan memusnahkan masjid dianggap satu pengishtiharan perang terhadap Duli Yang Dipertuan Agong kerana baginda adalah penaung agama Islam di Malaysia. (Jika tafsiran ini diterima maka pesalah boleh dihukum mati) dan (iii) pencerobohan terhadap masjid akan menimbulkan malapetaka kekacauan perkauman yang sangat merugikan rakyat Malaysia seluruhnya. 4-Pencerobohan keatas masjid adalah pencerobohan terhadap maruah Islam dan pencerobohan terhadap kuasa pemerintahan Islam.

## 5. Rumusan

Hasil kajian menunjukkan terdapat peruntukan yang jelas mengenai kesalahan mencerooboh, mencemarkan dan merosakkan masjid dan surau bagi tujuan menghina masjid dan surau dalam kedua-dua undang-undang sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi pemakaian undang-undang, bidang kuasa, proses pendakwaan, jenis kesalahan dan kadar hukuman. Jelasnya, perbuatan berbentuk fizikal yang boleh memusnahkan atau mencemarkan masjid adalah satu perbuatan yang sangat tidak wajar untuk dilakukan oleh mana-mana individu sama ada perbuatan tersebut bagi tujuan menghina kesucian masjid dan surau ataupun tidak. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran dan panduan mengenai penguatkuasaan undang-

undang berkaitan kesalahan menghina masjid dan surau di Malaysia. Peruntukan undang-undang ini juga sebagai bukti komitmen dan tanggung jawab pihak berwajib di peringkat Persekutuan dan negeri untuk menjamin kesucian tempat ibadat bagi orang Islam dan keutamaan masjid dan surau sebagai tempat ibadat dan mengembangkan syiar Islam.

## 6. Rujukan

BH Online. 15 Disember 2017.

BH Online. 26 Februari 2019.

Mohamad Azri dan Al-Adib Samuri. 2017. Analisis Matan Undang-undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Vol 2(1). 1-30

Rosli Mokhtar. 2010. Hukum menceroboh masjid. [www.ustazrosli.com](http://www.ustazrosli.com). 8 Oktober 2019.

Shamrahayu A. Aziz. 2007. Isu-isu berkaitan Kebebasan Beragama dan Murtad: Satu Sorotan Perlembagaan. *Jurnal Syariah dan Perundangan*. Bil 1: 1-16

Siti Zubaidah Ismail. 2018. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

Utusan Malaysia. Ambil iktibar kes-kes menghina agama. 20 Disember 2017

Zaini Nasohah. 2018. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Peruntukan Akta dan Enakmen*. Bangi: Jabatan Syariah, UKM

Statut:

Perlembagaan Persekutuan

Kanun Keseksaan

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perak) 1992

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001

Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001